

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22 February 2016

4 perkara jadikan negara lebih cemerlang

UM - 22/2/2016

PEKAN 21 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan empat perkara yang perlu diberi tumpuan oleh setiap universiti ke arah menjadikan negara lebih cemerlang pada masa depan.

Menurut Perdana Menteri, penekanan pertama adalah pembangunan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) bagi melahirkan modal insan lebih berkualiti.

Selain itu, kata beliau, kemampuan untuk berinovasi mesti dipupuk dan diberi rangsangan bagi menyerapkan budaya berkenaan dalam kalangan warga universiti.

"Ketiga, pembangunan budaya keusahawanan dan keempat kebolehan berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris," katanya ketika berucap merasmikan kampus utama



Ini saya hendak tetapkan sebagai dasar, malah kalau ada kemampuan kita akan tambah lagi universiti-universiti teknikal dalam negara."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuala Pahang di sini hari ini.

Yang hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd. Hilmei

Mohd. Taib dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Yang turut berlangsung dalam majlis itu ialah penyerahan dana pembangunan usahawan bumiputera kepada peserta program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Mahkota hasil jaringan kerjasama strategik antara Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan UMP Advanced Education (UAE).

Dana tersebut bagi membantu usahawan bumiputera dalam bentuk barangan perniagaan supaya mereka boleh meneruskan perniagaan masing-masing.

Najib juga mahu universiti-universiti teknikal yang dikenal pasti di negara ini kekal menawarkan pendidikan berasaskan jurusan itu agar terus berada pada tahap kece-

merlangan.

"Oleh sebab itu, saya menegaskan bahawa universiti seperti UMP mesti kekal sebagai universiti teknikal.

"Saya akan memastikan empat buah universiti teknikal di negara ini iaitu di Pahang, Perlis, Melaka dan Johor kekal tanpa menambah fakulti-fakulti lain yang tidak berasaskan kepada pendidikan teknikal.

"Ini saya hendak tetapkan sebagai dasar, malah kalau ada kemampuan kita akan tambah lagi universiti-universiti teknikal dalam negara," ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau berkata, tiada had atau kekangan dalam usaha kerajaan memperjuangkan bidang pendidikan asalkan seseorang individu itu mempunyai keazaman untuk belajar dan mencapai kecemerlangan.